

625:
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 26 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN MENJALANKAN SISTEM KEMASUKAN TANGGA GAJI BAGI MEMBETULKAN KEPINCANGAN DALAM TANGGA GAJI 1,132 ORANG GURU BESAR SEKOLAH MENENGAH DAN PENOLONG KANAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

MENURUT SISTEM ITU, PEMBAYARAN GAJI IALAH ANTARA \$910 HINGGA \$2,000 SEBULAN. PADA MASA INI MEREKA MENDAPAT ANTARA \$500 HINGGA \$1,200.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR HARI INI, SISTEM INI AKAN MENITIKBERATKAN KELULUSAN, PENGALAMAN DAN TANGGUNGJAWAB.

JIKA SISTEM INI DITERIMA OLEH GURU-GURU, IA AKAN DIHITUNG SEJAK 1 APRIL, 1972.

KERAJAAN AKAN MEMBELANJAKAN \$18 JUTA KERANA MEMBAYAR GAJI KEBELAKANGAN DAN \$6 JUTA TIAP-TIAP TAHUN.

GURU-GURU ITU AKAN MENDAPAT GAJI KEBELAKANGAN ANTARA \$3,600 HINGGA \$14,000.

GURU-GURU TELAH DIBERI TEMPUH SEBULAN UNTUK MENIMBANGKAN TAWARAN KERAJAAN INI. -- BERSAMBUNG 1800/ZCM

626:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERHARAP SISTEM INI AKAN DAPAT MENGATASI KESULITAN YANG DIHADAPI OLEH GURU-GURU.

BELIAU MENERANGKAN BAHAWA SISTEM INI AKAN MENGELAKKAN MASAALAH YANG BERBANGKIT DARI PELAKSANAAN TAWARAN KERAJAAN KEPADA 5,000 ORANG GURU BESAR SEKOLAH RENDAH BULAN OKTOBER TAHUN LALU. -- BERNAMA 1801/ZCM